



**MANGSA RAGUT...**Fatimah melihat laporan polis yang dibuatnya selepas diragut Isnin lalu.

# Pelajar UPM trauma selepas diragut

**KES 3**

17 JUN 2004 - HARIAN METRO

SERDANG: Seorang penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) masih trauma selepas menjadi mangsa ragut di pondok telefon awam di Taman Serdang Raya, Seksyen 2, Seri Kembangan, Isnin lalu.

Sejak kejadian jam 4.30 petang itu, dia kini berasa tidak selamat setiap kali keluar rumah.

Mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Fatimah, 23, berkata ketika kejadian dia berada di pondok telefon awam sebelum beg tangannya diragut dari belakang oleh seorang lelaki.

"Ketika saya sedang menelefon tiba-tiba beg tangan saya disentak dengan kuat.

Saya hanya mampu menjerit meminin-

ta tolong daripada orang ramai yang berada di tempat kejadian," katanya ketika ditemui di rumahnya di Seri Kembangan, di sini, semalam.

Menurutnya, lelaki terbabit yang berusia 25 tahun itu terus melarikan diri ke taman perumahan berhampiran.

Katanya, orang ramai yang berada di tempat kejadian mengejar lelaki berkenaan dan berjaya menangkapnya kira-kira 200 meter daripada tempat kejadian.

"Saya bernasib baik kerana mendapat semula beg berkenaan yang berisi cincin, wang tunai, kad pengenalan dan kad bank," katanya.

Menurutnya, peragut itu turut cedera di mata kiri dan cedera di hidung sele-

pas bergelut dengan orang ramai yang cuba memberkasnya.

"Saya membuat laporan di Balai Polis Seri Kembangan selepas kejadian.

Sementara itu, sepupu mangsa berusia 29 tahun yang enggan dikenali, berkata ketika kejadian dia berada di dalam kereta berhampiran pondok telefon berkenaan.

Menurutnya, dia terus mengejar peragut itu selepas sepupunya menjerit.

"Saya mengejar lelaki itu sebelum merentap beg sepupu saya.

"Bagaimanapun, lelaki itu berjaya melarikan diri ke kawasan perumahan berdekatan dan saya tidak berani mengejanya kerana bimbang dia memiliki senjata," katanya.